

SULIT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ [PASIR MAS - PAS]

TARIKH : 17 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN (NO. 20)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perincian perlaburan jutaan ringgit yang dilaburkan untuk meningkatkan prestasi atlet negara menghadapi Sukan Komanwel di Glasgow.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan bagi menyediakan atlet untuk menghadapi Sukan Komanwel Glasgow 2014 adalah berjumlah **RM59,843,126.00**. Perbelanjaan tersebut adalah untuk empat belas (14) jenis sukan yang terlibat dengan temasya berkenaan bagi tempoh 2011 – 2014. Perincian perbelanjaan itu adalah seperti berikut :-

i.	Elaun Atlet	:	RM15,353,822.00
ii.	Emolumen/Elaun Jurulatih	:	RM2,158,171.00
iii.	Sewa Kemudahan	:	RM1,516,421.00
iv.	Peralatan (latihan/pertandingan)	:	RM4,407,334.00
v.	Pertandingan Luar Negara	:	RM23,022,542.00
vi.	Pertandingan Dalam Negara	:	RM532,971.00
vii.	Latihan Luar Negara	:	RM8,719,161.00
viii.	Program Bersama	:	RM727,704.00
ix.	Bantuan Geran	:	RM3,405,000.00

2. 14 jenis sukan yang terlibat adalah:-

- i. Akuatik (Renang dan Terjun)
- ii. Angkat berat
- iii. Badminton
- iv. Berbasikal (Trek dan Leburaya)
- v. Gimnastik
- vi. Hoki (Lelaki dan Wanita)

SULIT

- vii. Judo
- viii. Lawn bowls
- ix. Menembak (ISSF dan Fullbore)
- x. Olahraga
- xi. Ping pong
- xii. Ragbi
- xiii. Skuasy
- xiv. Tinju.

Sekian, terima kasih.